

**TEKS UCAPAN
YB DATUK WIRA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KEJOHANAN ROKET KEBANGSAAN 2017**

**STADIUM UM ARENA, UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR
19 SEPTEMBER 2017 (SELASA)**

*Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera, Salam 1MOSTI dan Salam
Negaraku Malaysia.*

YBRS. ENCIK KUA BIN ABUN

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkomersialan),
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);

YBHG. PROF. DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Malaya;

YBRS. PUAN NORHAYATI BINTI MUSTAFA

Pegawai Meja Program, Bahagian Kokurikulum & Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia;

YBRS. ENCIK ZULHIBABULLAH BIN ISMAIL

Ketua Penolong Pengarah Planetarium Negara;

Ketua-ketua Jabatan;

Wakil-wakil Jabatan Pendidikan Negeri dan MARA;

Para Hakim, Dif-dif Jemputan, Rakan-rakan media,

**Tuan-tuan, puan-puan serta para peserta yang saya hormati
sekalian.**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian para hadirin dan hadirat untuk hadir bersama-sama bagi meraikan **Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Rocket Kebangsaan 2017 (KRK 2017)** di Stadium Arena, Universiti Malaya pada hari ini.

2. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam suatu program yang berbentuk “**Sukan Sains**” yang dianjurkan saban tahun oleh Planetarium Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). KRK 2017 adalah merupakan pertandingan yang bertemakan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam bidang “**kejuruteraan roket**” yang biasanya dianggap sebagai sesuatu yang amat sukar untuk difahami di kalangan masyarakat umum.

3. Justeru, pihak MOSTI mengharapkan agar program seumpama ini akan dapat mengikis tanggapan negatif masyarakat dan seterusnya memberikan impak secara langsung kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan generasi muda, khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah di Malaysia. Penganjuran KRK 2017 pada kali ini juga adalah selaras dengan usaha MOSTI bagi membudayakan STI di kalangan masyarakat Malaysia. Kementerian ini melalui Planetarium Negara akan sentiasa mencari formula serta pendekatan yang terbaik dalam memastikan bidang ini akan sentiasa dekat di hati masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Saya amat berkeyakinan bahawa penganjuran program ini akan dapat meningkatkan pengetahuan serta minat para peserta dan seterusnya akan dapat menyumbang kepada peningkatan peratusan pemilihan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM di kalangan pelajar-pelajar di seluruh negara. Untuk makluman para hadirin sekalian, Kerajaan Malaysia mensasarkan nisbah 60 peratus pelajar untuk memilih bidang STEM dan 40 peratus dalam bidang sastera dan lain-lain bagi melahirkan generasi muda yang kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi menjelang abad yang ke-21. Usaha seumpama ini amatlah kritikal dalam memastikan Negara ini mempunyai tenaga mahir yang mencukupi untuk memacu pembangunan Negara dan seterusnya

akan dapat merealisasikan agenda **Transformasi Nasional 2050 (TN50)** yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berkaliber dengan pemikiran baharu. Usaha ini juga diharapkan akan dapat mempersiapkan negara dalam **Revolusi Perindustrian 4.0** yang menekankan penguasaan sistem siber fizikal (*cyber physical system*).

Tuan-tuan, puan-puan dan para pelajar sekalian,

5. Suka saya kongsi di sini bahawa **Kejohanan Raket Kebangsaan (KRK)** adalah merupakan sebuah pertandingan roket air berbentuk “sukan sains” yang menggabungkan aktiviti kecergasan fizikal di atas padang dan aplikasi teori sains berkaitan dengan roket dan teknologi pelancarannya. Di dalam industri pelancaran roket, pemahaman mengenai hukum-hukum sains, khususnya konsep fizik yang berkaitan dengan pergerakan objek-objek, masih menjadi asas kepada setiap pelancaran roket yang sebenar. Teori dan konsep yang sama juga digunakan oleh para peserta semasa melancarkan roket air di KRK 2017 dan saya juga telah difahamkan bahawa, pertandingan ini telah menjadi semakin popular di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia termasuklah di kalangan belia.

6. Saya percaya pembelajaran dan pemahaman konsep dan teori sains melalui sukan ini adalah merupakan pendekatan yang sesuai untuk menarik minat pelajar bagi menceburi bidang STEM. Ia merupakan pendekatan berkesan yang dapat dilaksanakan di luar bilik darjah serta dapat dilakukan secara santai dan berupaya untuk menterjemahkan konsep dan teori sains yang dipelajari secara praktikal.

7. Saya berharap penganjuran Kejohanan Raket Kebangsaan 2017 (KRK 2017) akan berpeluang untuk melahirkan lebih ramai saintis di dalam bidang angkasa lepas pada masa hadapan dan ini adalah selaras dengan hasrat Negara untuk melangkah lebih jauh dalam menceburi bidang angkasa serta membangunkan industri angkasanya sendiri kelak. Anda semua dan generasi anda secara keseluruhannya, adalah merupakan agen-agen yang diharapkan akan dapat membangunkan industri angkasa Malaysia pada masa hadapan.

Tuan-tuan, puan-puan dan para pelajar yang saya hormati sekalian,

8. Pada kesempatan ini, ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pelajar-pelajar dan sekolah yang bakal dinobatkan sebagai juara yang akan membawa pulang **Piala Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi** yang merupakan piala pusingan KRK 2017 dan seterusnya akan mewakili Negara di peringkat Asia Pasifik kelak. Kita pernah muncul sebagai juara di peringkat rantau Asia Pasifik di *Asia Pacific Regional Space Agency Forum (APRSAF) Water Rocket Event* pada tahun 2014 di Tokyo, Jepun dan sekali lagi dalam kejohanan yang sama di Laguna, Filipina pada tahun lepas.

9. Suka juga saya ingin maklumkan di sini bahawa, juara KRK 2017 pada tahun ini akan mewakili Malaysia ke kejohanan *Asia Pacific Regional Space Agency Forum (APRSAF) Water Rocket Event* yang akan diadakan di Bengaluru, India dari 11 hingga 12 November 2017 nanti. Besarlah harapan saya agar anda semua akan berjaya mengekalkan kejuaraan kita serta akan mengharumkan sekali lagi nama Malaysia di persada antarabangsa melalui penghayatan semangat kejuaraan kita sama seperti di Sukan SEA ke-29 dengan slogan “**Malaysia Kita Juara!**”.

10. Bagi pihak MOSTI, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Planetarium Negara atas penganjuran KRK 2017 yang secara amnya menyokong kepada usaha untuk mewujudkan kesedaran dan mempromosikan bidang STI seperti yang telah digariskan di bawah **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN)**.

11. Kementerian ini juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada rakan-rakan strategik atas kerjasama yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Malaya (UM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam memastikan kejayaan penganjuran program ini. Tidak juga dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan yang padu daripada rakan-rakan media.

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk menghadiri **National Innovation And Creative Economy Expo 2017** atau ringkasnya **NICE EXPO 2017** anjuran MOSTI yang akan berlangsung dari 12 hingga 16 Oktober 2017 di Technology Park Malaysia. Seiring dengan penganjuran **NICE EXPO 2017** di Technology Park Malaysia, 2 program satelit **NICE EXPO 2017** yang dijalankan secara serentak iaitu di Planetarium Negara, Kuala Lumpur dan di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara akan turut diadakan pada masa yang sama.

13. Pelbagai program Inovasi dan Ekonomi Kreatif akan dipersembahkan di ketiga-tiga lokasi tersebut dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengisytiharkan bahawa bersempena dengan penganjuran **NICE EXPO 2017**, Planetarium Negara yang sebelum ini sememangnya memberikan perkhidmatan secara percuma kepada pelawat ke ruang pamerannya kini memberikan tambahan perkhidmatan percuma kepada beberapa lagi fasiliti lain termasuklah Tayangan Planetarium dan juga Simulasi *Space Pod* dari 12 hingga 16 Oktober 2017 bagi menggalakkan lebih ramai orang awam untuk berkunjung ke Planetarium Negara.

14. Saya juga percaya tidak terlalu lewat bagi saya untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Malaysia** kepada para hadirin sekalian dan semoga dengan nikmat kemerdekaan dan perpaduan yang kita nikmati pada hari ini, akan dapat memastikan STI akan terus menyumbang yang terbaik kepada kita semua.

15. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan “**Majlis Penutup Kejohanan Roket Kebangsaan 2017 (KRK 2017)**” ini. “**Malaysia, Kita Juara!**”

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.